



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
***DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA***

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545  
Faks :603-88895542  
E-mail:ismailmerican@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**SITUASI SEMASA INFLUENZA A(H1N1)**  
**DAN TINDAKAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**27 Mei 2009**

Kementerian Kesihatan Malaysia ingin memaklumkan bahawa sehingga jam 8.00 pagi, 27 Mei 2009, Bilik CPRC Kebangsaan telah menerima notifikasi pada keseluruhannya sebanyak 286 kes dari seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, Malaysia masih kekal dengan dua (2) kes yang telah disahkan positif influenza A(H1N1) pada 15 dan 16 Mei 2009 yang lalu dengan 280 kes lagi telah disahkan bebas dari jangkitan influenza A(H1N1). Kesemua 17 kes yang dilaporkan pada 26 Mei 2009 juga telah disahkan negatif.

Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sehingga 27 Mei 2009, jam 8.00 pagi Bilik CPRC Kementerian telah menerima sebanyak 17 notifikasi kes yang dimasukkan ke wad isolasi di lapan (8) buah Hospital Rujukan Influenza A(H1N1) bagi tujuan penyiasatan iaitu lapan (8) kes di Hospital Sungai Buloh, Selangor; tiga (3) di Hospital Tuanku Jaafar, Seremban dan masing-masing satu (1) kes di Hospital Kuala Lumpur, Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Hospital Melaka, Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan, Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu dan Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh.

Daripada 17 notifikasi tersebut, tiga belas (13) telah disahkan bebas daripada jangkitan influenza A(H1N1) oleh ujian makmal dari Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) sementara empat (4) lagi masih menunggu keputusan ujian makmal.

Sementara itu, dua orang warganegara Malaysia yang menaiki pesawat BR007 dari San Francisco ke Taipei pada 24 Mei 2009 dimana salah seorang penumpang pesawat tersebut telah disahkan positif influenza A(H1N1) oleh Pihak Berkuasa Taiwan dan meneruskan penerbangan ke Malaysia menaiki pesawat MH069 pada 24 Mei 2009 masih diletakkan di bawah "home quarantine". Mereka sedang dikuarantin sehingga 31 Mei 2009 dan pada masa ini dalam keadaan sihat.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memaklumkan sehingga 27 Mei 2009, jam 8.00 pagi satu (1) lagi negara iaitu Republik Czech melaporkan kejadian Influenza A(H1N1) secara rasmi, menjadikan sebanyak 47 buah negara terlibat. Kumulatif kes influenza A(H1N1) adalah sebanyak 13,434 yang telah disahkan positif oleh ujian makmal iaitu peningkatan sebanyak 468 kes dalam tempoh 24 jam yang lalu. Sebanyak 19 buah negara melaporkan peningkatan kejadian ini iaitu Argentina (17), Australia (33), Kanada (116), Chile (138), China 2 (China Mainland 1; Hong Kong 1), Colombia (3), Costa Rica (5), Ecuador (14), Perancis (3), Ireland (1), Itali (4), Jepun (5), Mexico (367), Peru (2), Sepanyol (2), United Kingdom (47) dan Amerika Syarikat (212).

Sebanyak lima (5) kematian baru akibat jangkitan influenza A(H1N1) dilaporkan iaitu tiga (3) di Mexico dan masing-masing satu (1) di Amerika Syarikat dan Kanada menjadikan jumlah keseluruhan kematian sebanyak 96.

Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sehingga 27 Mei 2009, jam 8.00 pagi, seramai 10,769 individu yang tiba dari negara terbabit telah disaring. Daripada jumlah tersebut, 7,560 (70.2%) orang disaring di pintu masuk udara, 354 (3.3%) di pintu masuk laut dan 2,855 (26.5%) di pintu masuk darat. Satu (1) kes yang dikesan di pintu masuk udara telah dirujuk ke hospital rujukan untuk pemeriksaan lanjut.

Sehingga 27 Mei 2009 jam 8.00 pagi, kumulatif penumpang yang disaring di semua pintu masuk adalah seramai 211,728 orang dimana 170,064 (80.3%) disaring di pintu masuk udara, 12,373 (5.9%) di pintu masuk laut dan 29,291 (13.8%) di pintu masuk darat. Daripada jumlah tersebut, 52 orang telah dirujuk ke Hospital Rujukan Influenza A(H1N1) bagi tujuan penyiasatan.

Setakat ini tiada kes transmisi tempatan berlaku di Malaysia. Walau bagaimanapun, saya menasihatkan orang ramai agar sentiasa mengambil perhatian serius terhadap situasi semasa penyakit ini dan mendapatkan maklumat yang terkini dan tepat dari Kementerian Kesihatan. Maklumat terkini mengenai influenza A(H1N1) ini boleh diperolehi melalui laman sesawang Kementerian Kesihatan iaitu <http://www.moh.gov.my> dan pengumuman KKM melalui media dari masa ke semasa.

Sekian dan terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN**  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 27 Mei 2009